



SISTEM PENGURUSAN KEDATANGAN
(TAMS)

MANUAL KIOSK NORMAL TAMS


BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
JABATAN PERDANA MENTERI
24 MEI 2016

1. PENGENALAN KIOSK TAMS

Kiosk TAMS merupakan alternatif yang baharu yang diadakan bagi menambahbaik TAMS yang sedia ada di Kompleks Jabatan Perdana Menteri dan Bangunan Perdana Putra. Konsep penyimpanan data kehadiran yang digunakan adalah masih konsep yang sama iaitu konsep **First In Last Out**. Yang berbeza hanyalah penggunaan kiosk yang membolehkan pengguna menyaksikan transaksi yang dilakukan dengan melarik kad kepada kiosk TAMS.

2. ANTARAMUKA KIOSK TAMS

Paparan skrin kiosk TAMS memaparkan waktu jam semasa. Waktu yang dipaparkan telah diselaraskan dengan waktu server.




Skrin kiosk TAMS




Skrin utama kiosk TAMS

3. TRANSAKSI PENGGUNA KETIKA KIOSK TAMS ONLINE




Contoh Gambar Transaksi Berstatus Kehadiran Baik



Contoh Gambar Transaksi Berstatus Kehadiran Merah

Berdasarkan kedua-dua gambar contoh di atas, kiosk TAMS akan memaparkan maklumat pengguna selepas melarik kad semasa kiosk TAMS dalam keadaan *online*. Maklumat yang akan dipaparkan adalah gambar pengguna, nama, nombor pengenalan, bahagian, jabatan dan jenis waktu pejabat, waktu transaksi yang dirakam dan jenis transaksi samada masuk atau keluar.

4. TRANSAKSI PENGGUNA KETIKA KIOSK TAMS OFFLINE



Walaupun Kiosk TAMS berada dalam keadaan *OFFLINE*, kiosk TAMS masih berupaya menyimpan data secara *OFFLINE*. Berdasarkan gambar contoh di atas, data yang dipaparkan hanyalah maklumat asas iaitu nama pengguna, nombor pengenalan, bahagian, jabatan dan waktu yang dirakam. Tiada gambar akan dipaparkan ketika kiosk TAMS dalam keadaan *OFFLINE*. Jika ada pengguna yang tidak dapat paparan maklumat seperti di atas, pengguna tidak perlu bimbang kerana setiap larikan kad pada kiosk TAMS akan disimpan secara *OFFLINE*.

Setelah kiosk TAMS *ONLINE* semula, data yang simpan secara *OFFLINE* akan dimuat naik ke server secara automatik. Proses ini dijalankan secara senyap. Oleh itu pengguna tidak akan merasai proses muat naik data *OFFLINE*.